

26 DEC 1999

Sorotan-Asing

TAHUN YANG BERMAKNA BAGI HAL EHWAL LUAR MALAYSIA

Oleh: E. Sivabalan

KUALA LUMPUR, 26 Dis (Bernama) -- Sementara peristiwa domestik, terutamanya pilihan raya ke-10 November lepas menjadi berita utama, bagaimanapun tiada saat yang suram bagi hal ehwal luar Malaysia dalam tahun 1999.

Ia bermula pada hari tahun baru apabila Malaysia menduduki kerusi sementara dalam Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan seminggu kemudian Datuk Seri Syed Hamid Albar dilantik sebagai Menteri Luar yang baru.

Bagaimanapun, kegembiraan berkembar itu tidak kekal lama apabila dalam bulan Jun Malaysia berdepan dengan masalah Kepulauan Spratlys dengan Filipina.

Pertegangan leher antara kedua-dua menteri luar negara itu timbul dan masing-masing menyatakan mereka benar.

Manila mengemukakan bantahan diplomatik terhadap Kuala Lumpur berikutan dakwaan mereka Malaysia membina struktur di kawasan mereka di kepulauan itu. Malaysia bagaimanapun mendakwa struktur itu adalah di dalam kewasannya.

Kemudian dalam bulan September, Syed Hamid yang juga bekas Menteri Pertahanan dikecam berikutan laporan beliau mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatan David Levy dari Israel semasa rehat sidang kemuncak Perhimpunan Agung PBB di New York.

Syed Hamid menafikan dakwaan bahawa ia adalah pertemuan rasmi sebagaimana yang dilaporkan oleh akhbar Singapura, dan beliau seterusnya menafikan Malaysia mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel.

Bagaimanapun perkara itu tinggal begitu sahaja selepas beliau menjelaskan pertemuan dengan Levy itu adalah untuk mengingatkan Israel agar mematuhi perjanjian perdamaian yang dibuatnya dengan Palestin.

Sejak memegang jawatannya, Syed Hamid telah cuba membina semula imej Malaysia yang dicemari berikutan tunjuk-tunjuk perasaan berikutan pemecatan dan perbicaraan bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pemecatan Anwar pada 2 Sept 1998 dan pelaksanaan kawalan modal terpilih-pilih sehari sebelumnya telah menjejaskan sedikit imej Malaysia di arena antarabangsa.

Syed Hamid mengadakan beberapa siri lawatan ke luar negara termasuk menemui pelajar Malaysia untuk menerangkan kedudukan sebenar di negara ini, berikutan laporan yang tidak benar di kalangan mereka.

Dua belas bulan kebelakangan ini negara mengalami beberapa kegiatan di dalam dan di luar negara, iaitu dari mengadakan hubungan dengan presiden Indonesia yang baru dipilih Abdurrahman Wahid hingga kepada menghantar pasukan tentera ke wilayah bergelora -Timor Timur.

Kuala Lumpur menghantar 30 pegawai tentera untuk menyertai pasukan pengaman pelbagai negara ke wilayah tersebut, yang mahukan bebas daripada Indonesia. Kerajaan juga berjanji akan menghantar pasukan yang lebih besar, juga di bawah panji-panji PBB jika diperlukan.

Tahun itu juga menyaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak menghadiri tiga acara antarabangsa utama.

Dr Mahathir tidak menghadiri forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik di New Zealand berikutan "tanggungjawab domestik" dan beliau juga tidak menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel di Afrika Selatan berikutan pembubaran Parlimen.

Beliau juga tidak menghadiri Sidang Kemuncak tidak rasmi Asean di Manila kerana ia diadakan dalam tempoh Parlimen dibubarkan dan pilihan raya

ke-10 pada bulan November lepas.

Walaupun tidak hadir suara Dr Mahathir terus didengar melalui Syed Hamid dalam forum-forum tersebut.

Perdana Menteri bagaimanapun menghadiri beberapa forum antarabangsa seperti Forum Ekonomi Dunia di Davos, Switzerland dalam bulan Januari, mesyuarat G-15 di Jamaica (Februari), sidang kemuncak kedua Kumpulan Lapan Negara Membangun Islam di Bangladesh (Mac) dan Dialog Antarabangsa Afrika Selatan ke-3 di Zimbabwe dalam (Oktober).

Pada sidang Kemuncak Ekonomi Asia Timur di Singapura Oktober lepas Perdana Menteri mencadangkan penubuhan Dana Kewangan Asia Timur.

Dr Mahathir juga melawat beberapa negara termasuk Amerika Syarikat, China dan Republik Buryatia, Rusia.

Beliau berada di New York pada bulan September untuk berucap di Perhimpunan Agung PBB Ke-54 dan menemui Setiausaha Agung PBB Kofi Annan.

Beberapa pemimpin asing juga melawat Malaysia. Mereka termasuk Perdana Menteri China Zhu Rongji, Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid, Perdana Menteri Thailand Chuan Leekpai, Presiden Palestin Yasser Arafat, Presiden Venezuela Hugo Rafael Chavez Frias, Perdana Menteri Kemboja Hun Sen dan Naib Presiden Iraq Taha Yassin Ramadhan.

Tahun itu juga menyaksikan beberapa pemimpin Afrika selatan datang ke Malaysia untuk menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi pada bulan Julai.

Hal ehwal luar negara juga dijangka menjadi aktiviti Malaysia pada tahun 2000, apatah lagi dengan pelantikan semula Syed Hamid sebagai menteri luar selepas pilihan raya ke-10 yang lalu.

--BERNAMA

ES AU RI